

21/10/1999

Venezuela setuju halang manipulasi

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Venezuela menyertai Malaysia mendesak masyarakat antarabangsa mengambil langkah berkesan untuk mengekang manipulasi perdagangan mata wang.

Desakan itu disuarakan dalam kenyataan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Venezuela, Hugo Rafael Chavez Frias, pada akhir lawatan rasmi pemimpin negara itu ke Malaysia, hari ini.

Dalam kenyataan bersama yang ditandatangani kedua-dua pemimpin itu pada sidang akhbar selepas Dr Mahathir membuat kunjungan hormat ke atas Chavez Frias, mereka juga menekankan mengenai pentingnya kerjasama Selatan-Selatan dan rangka kerja Kumpulan Negara Membangun (G15).

Dr Mahathir dan Chavez Frias turut bertukar pandangan mengenai mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Seattle, Amerika Syarikat, bulan depan dan bersetuju menggalakkan perbincangan di kalangan negara membangun.

Mereka sependapat bahawa kerjasama dan perpaduan di kalangan negara membangun perlu ditingkatkan bagi menjamin dunia yang adil serta saksama.

Chavez Frias mengadakan lawatan tiga hari ke negara ini atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Mengenai isu dua hala, Kuala Lumpur dan Caracas memperbaharui azam untuk mengukuhkan hubungan dalam pelbagai bidang.

Kerjasama itu, termasuk ekonomi, perdagangan, industri kecil dan sederhana, pembangunan infrastruktur, pelancongan, tenaga, petroleum serta pertanian, khususnya kelapa sawit dan getah.

Kedua-dua pihak juga bersetuju bertukar-tukar pengalaman khususnya dalam bidang pembangunan seimbang dan berterusan serta pembasmian kemiskinan.

Bercakap kepada pemberita pula, Dr Mahathir berkata, walaupun lawatan Chavez Frias singkat, ia berjaya mewujudkan hubungan selaras hubungan kerjasama Malaysia-Venezuela.

Katanya, Chavez Frias menunjukkan minat yang tinggi terhadap Malaysia ketika persidangan G15 di Jamaica, yang mendorong lawatan singkat Chavez Frias ke negara ini.

"Selepas pilihan raya, saya akan ke Venezuela untuk mengukuhkan kerjasama dan hubungan," katanya.

Chavez Frias pula berkata, Venezuela sedang mengambil langkah seperti mengkaji semula pelbagai undang-undang dalam bidang strategik untuk menarik pelaburan asing, termasuk dari Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia dan rakyat negara ini menjadi contoh kepada negara lain di Selatan.

"Kami mencari isyarat untuk membolehkan kami mencari arah untuk lebih banyak pembangunan. Kami sudah menemuinya dengan masing-masing menandatangani kenyataan bersama dan yakin boleh bekerjasama dengan lebih erat," katanya.

(END)